

19/08/1998

Tumpuan kepada pemahaman

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sheikh Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi sependapat bahawa pemahaman terhadap ajaran Islam yang mengutamakan kesederhanaan, penguasaan ilmu dan kerjasama ikhlas untuk kebaikan, adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan imej Islam.

Sheikh Al-Azhar dan Perdana Menteri juga bersependapat tumpuan harus diberikan supaya umat Islam benar-benar memahaminya.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mereka berkongsi pendapat itu ketika bertukar pandangan dalam perjumpaan kira-kira 45 minit di Pejabat Perdana Menteri hari ini.

"Ini adalah antara pandangan Sheikh Al-Azhar dan Perdana Menteri kita yang sama," katanya selepas mengiringi Dr Mohamed Sayed Tantawi dalam perjumpaan itu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman turut hadir.

Abdullah berkata, mereka bertukar pandangan mengenai pembangunan Islam, pendidikan Islam dan pendekatan yang patut diambil untuk meningkatkan imej Islam.

Sheikh Al-Azhar itu yang pernah melawat Malaysia ketika masih menjadi Mufti Mesir 10 tahun dahulu, amat kagum dengan pembangunan yang begitu pesat di negara ini.

"Dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL ke sini, setibanya di sini pagi ini, beliau menyatakan kekaguman itu.

"Beliau berkata, ini tentulah hasil usaha anak-anak watan sendiri di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mengutamakan pembangunan untuk negara dan umat," katanya.

Sheikh Al-Azhar itu berada di sini atas jemputan Dr Mahathir dan mempunyai beberapa program lawatan selama empat hari termasuk memberikan ceramah umum di Pusat Islam esok, melawat Kolej Agama Sultan Zainal Abidin di Terengganu dan lawatan ke Kedah.

Dr Mahathir dan Sheikh Al-Azhar juga bersetuju supaya diadakan bidang kerjasama di mana kepakaran Al-Azhar digunakan dalam rancangan dan program yang boleh memperluaskan lagi usaha Malaysia bagi meningkatkan imej Islam.

Beliau juga memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai pelaksanaan persetujuan yang dicapai beberapa tahun lepas yang menetapkan kaedah bagi pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar.

Antaranya ialah supaya pelajar Malaysia mengambil peperiksaan kelayakan yang sama dengan pelajar lain dan mereka dimestikan juga mencatatkan pencapaian yang tinggi dalam peperiksaan itu.

(END)